

Press Clipping

Port Klang Free Zone

Publication: Berita Harian - B&W
Ekonomi, P. 36 (1 of 1)

Date: November 30, 2007

PKFZ attract RM 729million investment

PKFZ tarik pelaburan RM729j

ZON Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) di Pulau Indah, mencapai kemajuan memberangsangkan sejak penubuhannya November tahun lalu, apabila setakat ini berjaya menarik 39 syarikat membabitkan pelaburan bernilai RM729 juta.

Menteri Pengangkutan Datuk Sri Chan Kong Choy, berkata semua syarikat terbabit menguasai 30.8 hektar kawasan terbuka di zon bebas itu dengan opsyen mengambil tambahan 37.2 hektar lagi tahun depan, 20 unit industri ringan dan keluasan pejabat lebih 6,000 kaki persegi.

Katanya, perniagaan berdasarkan TEU (unit bersamaan 20 kaki) pula meningkat kepada 1,111 TEU setakat ini, berbanding hanya 67 TEU, Mei lalu.

"Selain itu, PKFZ sedang berunding dengan 55 syarikat dari dalam dan luar negara, termasuk beberapa multinasional dengan potensi pelaburan RM610 juta, yang disasar dicapai menjelang akhir tahun depan," katanya sambil menambah pelaburan itu ba-

kal menyediakan 20,000 peluang pekerjaan baru.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran logo baru PKFZ di Subang Jaya, semalam.

Pada majlis itu, PKFZ turut memeterai dua memorandum persefahaman (MoU), masing-masing dengan EFE Expo Sdn Bhd dan Persatuan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia (SMI).

Menerusi MoU itu, EFE Expo akan menyewa keseluruhan blok LOB4 di zon bebas itu untuk dijadikan bilik pameran, selain mengadakan Pameran Perabot Eksport di Pusat Pameran PKFZ, Mac tahun depan.

Chan berkata, konsep pembangunan PKFZ membabitkan tiga matlamat utama iaitu sebagai hab perkilangan, perdagangan dan pengedaran di Asia; pemangkin kepada pembangunan Pelabuhan Klang secara keseluruhannya; selain menarik pelaburan langsung asing dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.